

Paradigma Sejahtera sebagai Acuan Pemeribumian Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

Sejahtera Paradigm as a Reference for Indigenization of the Sustainable Development Goal (SDG) Agenda

Ratna Roshida Ab Razak¹, Nur Ayuni Mohd Isa² & Muhammad Hafeez Zakaria³

^{1,2,3} Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia.

Article progress

Received: 25 November 2022

Accepted: 17 January 2022

Published: 31 May 2023

*Corresponding author:
Ratna Roshida Ab Razak,
Jabatan Pengajian Kenegaraan
dan Ketamadunan, Fakulti
Ekologi Manusia, Universiti
Putra Malaysia, Selangor,
Malaysia;
Email:
ratna_razak@upm.edu.my

Abstrak: Artikel ini bertujuan untuk menjadikan Agenda 2030, Matlamat Pembangunan Lestari, satu usaha antarabangsa khususnya daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam acuan tempatan. Hal ini penting bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan keperluan masa hadapan berdasarkan acuan dan cita rasa tempatan. Indigenisasi atau pemeribumian merupakan salah satu usaha ke arah dekolonialisasi iaitu usaha membebaskan diri daripada penjajahan atau kolonialisasi khususnya dalam aspek pemikiran atau disebut sebagai epistemologi. Walaupun Malaysia telah menyambut kemerdekaan yang ke-65, namun apa yang masih jelas ialah kegagalan untuk melepaskan minda dari kongkongan Barat. Keadaan ini menjadikan kita terus dijajah melalui penjajahan dari segi pemikiran. Usaha mentempatkan melalui paradigma Sejahtera dianggap penting kerana kemakmuran merupakan konsep kehidupan Melayu yang berteraskan kearifan tempatan yang perlu diketengahkan sebagai panduan untuk menjamin kebahagiaan hidup yang sebenar. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan yang melibatkan data sekunder daripada kajian literatur. Data kualitatif yang dikumpul dianalisis secara deskriptif. Kertas kerja ini mengetengahkan hasil kajian dalam bentuk model Sejahtera yang dibina bagi memastikan wujudnya unsur keseimbangan dalam semua aspek kehidupan. Konsep kesejahteraan hidup terdiri daripada tujuh aspek keseimbangan terpenting dalam kehidupan manusia yang boleh disingkatkan dengan singkatan SPICES, iaitu spiritual (spiritual), fizikal (physical), intelektual (intellectual), budaya (culture), ekonomi (economics), masyarakat (society).

Kata kunci: Matlamat Pembangunan Lestari, Konsep Sejahtera, Keseimbangan, Pemeribumian;

Abstract: This paper aims to localize the 2030 Agenda, the Sustainable Development Goals, an international effort, from the United Nation. This effort is to ensure that the development implemented can meet the needs of the present without affecting the needs of the future. Indigenization is also one of the efforts towards decolonization, which is an act to liberate from colonization, especially in the aspect of thought or epistemology. Although Malaysia has celebrated its 65th independence, it still seems to have failed to let go of this colonialism of the mind and make us remain colonized through colonialism within, especially in terms of thought or epistemology. Its indigenization efforts through the paradigm of prosperity are seen as important because prosperity is a Malay concept of life based on local wisdom that needs to be highlighted as a guide to ensure true happiness in life. This paper tries to localize the Sustainable Development Goals to suit

local tastes or nuances, based on our original identity. This is important so that we do not completely follow the template from the West which we are not sure whether the success it has achieved is in accordance with the concept of prosperity or not. The Sejahtera model that is built ensures the existence of elements of balance in all aspects, especially life in this world and the afterlife by emphasizing the three main components of human events, namely physical, intellectual and spiritual. This study uses a content analysis approach involving secondary data from literature studies. The qualitative data collected were analyzed descriptively. This paper highlights the Sejahtera Model, applying the concept of Sejahtera which consists of the 7 most important aspects of balance in human life, namely spiritual, physical, intellectual, culture, economy, ecology and society, or abbreviated with the acronym SPICES.

Keywords: Sustainable Development Goals, Prosperous Concepts, Balance, Indigenization;

Pengenalan

Bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan di Malaysia ini dapat memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan keperluan masa hadapan, pihak kerajaan telah memperkenalkan Matlamat Pembangunan Lestari, atau juga dikenali dengan sebagai Agenda 30. Inisiatif ini merupakan satu usaha pihak antarabangsa, khususnya dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk memastikan pembangunan yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan keperluan di masa hadapan. Usaha pemeribumiannya melalui paradigma Sejahtera dikira penting kerana Sejahtera merupakan satu konsep hidup orang Melayu yang berasaskan kearifan tempatan yang perlu diketengahkan sebagai panduan demi menjamin kebahagiaan hidup yang sebenar. Pemeribumian merupakan salah satu usaha ke arah dekolonialisasi, iaitu satu usaha pembebasan dari penjajahan atau menyahajahkan terutama dalam aspek pemikiran atau disebut sebagai epistemologi. Kegagalan untuk melepaskan penjajahan minda ini akan menjadikan kita kekal dijajah oleh penjajah iaitu penjajahan secara pemikiran (epistemologi) meskipun telah 65 tahun merdeka secara fizikal. Makalah ini cuba untuk mentempatkan agenda Matlamat Pembangunan Lestari ini agar sesuai dengan citarasa atau nuansa tempatan, dan yang lebih penting agar pembangunan yang bakal dibina berasaskan acuan asal kita dan tidak sepenuhnya mengikut acuan dari Barat yang belum pasti keberhasilan yang diperolehinya menepati atau tidak dengan konsep sejahtera iaitu keseimbangan dalam semua aspek, khususnya kehidupan di dunia dan di akhirat.

Metodologi

Makalah ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang melibatkan data-data sekunder dari

kajian kepustakaan. Data-data kualitatif dianalisis secara deskriptif untuk menghasilkan satu kesimpulan yang jitu. Makalah ini mengetengahkan hasil kajian bahawa dengan mengaplikasi konsep Sejahtera yang terdiri daripada tujuh aspek penting dalam kehidupan manusia, pembangunan yang lestari dapat dicapai dan pada masa yang sama dapat mengekalkan identiti dan jati diri sebagai rakyat tempatan yang mempunyai kearifan tempatan yang tersendiri.

Dapatan dan Perbincangan

Makna Pemeribumian

Perkataan ‘pemeribumian’ yang membawa maksud kembali kepada keadaan tempatan atau dalam bahasa Inggeris disebut sebagai ‘*indigenization*’, merupakan salah satu proses atau usaha dekolonialisasi atau penyahajahan. Dekolonisasi pula merupakan usaha pembebasan dari penjajahan atau menyahajahkan terutama dalam aspek pemikiran atau disebut sebagai epistemologi. Keupayaan penjajah menjajah dalam aspek epistemologi menjadikan apa jua sudut pandang kita sebagai rakyat tempatan, sama ada dalam aspek sosial, ekologi, pendidikan dan lain-lain hanya terbaik apabila seiring dengan pandangan mereka dan menjadikan apa yang kita ada dikesampingkan (Zaid, 2020).

Kegagalan untuk melepaskan penjajahan minda ini akan menjadikan rakyat Malaysia kekal dijajah secara penjajahan pemikiran (epistemologi) meskipun telah 65 tahun merdeka secara fizikal. Usaha dekolonialisasi ini dikira amat penting kerana penjajahan pemikiran ini memberi kesan yang sangat mendalam sehingga mampu menjadikan bangsa kita beranggapan bahawa semua ilmu teori dari Barat adalah yang terbaik dan kesannya kita akan mengkesampingkan ilmu yang dimiliki oleh bijak pandai tempatan. Inilah yang

dinamakan penjajahan epistemologi.

Nilai atau dikenali dengan budi merupakan satu perkara yang cukup signifikan dalam masyarakat Melayu (Abdul Rahman, 2009). Hal ini kerana ia merupakan harga sebuah kehidupan yang terkandung dalamnya kebaikan dan kebijaksanaan seperti budi bahasa, iaitu ada nilai kebaikan dan kebijaksanaan dalam perhubungan dan komunikasi, begitu juga dengan budi bicara dan budi pekerti (Dzulkifli, 2020).

Jika dilihat dalam konsep Sejahtera, ianya sangat menekankan tentang keseimbangan, bermula dengan keseimbangan antara tiga komponen utama iaitu fizikal, intelektual dan spiritual. Komponen ini perlu bergerak seiring, malahan tumpuan tidak boleh diberikan kepada yang boleh diukur semata-mata, iaitu intelektual dan mengenepikan aspek spiritual yang sebenarnya penting dalam pembentukan nilai (Danah, 2000). Hal ini kerana lahirnya nilai ini adalah melalui hati yang berada dalam komponen spiritual.

Kesedaran perlu dipupuk agar kita mampu melepaskan diri atau menyahajahkan dan tidak selamanya melihat sumber ilmu dan teori atau model, dan apa jua yang berkaitan dengan ilmu, hanya terpakai apabila datangnya dari Barat sahaja. Keadaan ini tidak memberi nilai terhadap apa yang telah dimiliki, khususnya kita yang dari Timur ini, sedangkan kita memiliki keupayaan untuk menghasilkan ilmu kerana kita juga mempunyai kepandaian tempatan atau *local wisdom*.

Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goal- SDG)

Brundtland Report yang juga dikenali sebagai World Commission on Environment and Development (WCED) telah dilancarkan pada tahun 1987. Laporan ini dianggap sebagai *game changer* kerana ia telah memberi satu sudut pandang yang baharu dalam memastikan satu kehidupan yang baik terutama apabila aspek alam sekitar diberi penekanan dalam pembangunan. Rentetan dari itu, ‘Pembangunan Lestari’ (*Sustainable Development*) menjadi sebahagian daripada perbualan di peringkat global dan seterusnya menjadi asas kepada rangka atau model “Pendidikan untuk Pembangunan Lestari” (UN, 2015).

Malaysia sebagai negara yang sentiasa menyokong apa jua usaha kebaikan di peringkat global, bersama 192 pemimpin dunia yang lain menerima pakai Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari (SDG) di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada 25 September 2015. Usaha ini terus dijadikan agenda negara dan diturunkan ke peringkat yang lebih bawah. Di peringkat Universiti

Putra Malaysia (UPM) misalnya, usaha merealisasikan agenda ini kelihatan begitu serius khususnya dalam usaha mengekalkan kedudukan sebagai peneraju ‘Kampus Hijau’ di Malaysia (Zaid, 2020).

Ketika UN mengisyiharkan ‘Dekad untuk Pendidikan Lestari’ pada tahun 2014, agenda Pembangunan Lestari telah mula diterima oleh masyarakat global, khususnya apabila institusi pendidikan tinggi mula memasukkan elemen pembangunan lestari ke dalam kurikulum mereka dan mengadakan program dan aktiviti bersama masyarakat sebagai usaha membina kesedaran dan permintaan yang ada dalam agenda ‘Pendidikan untuk Pembangunan Lestari’. Pembangunan Lestari telah ditakrifkan dalam laporan Brundtland 1987 sebagai ‘Our Common Future’ oleh Suruhanjaya Dunia iaitu mengenai ‘Alam Sekitar dan Pembangunan’ sebagai pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjelaskan keupayaan generasi akan dating bagi memenuhi keperluan mereka sendiri. Dalam masa yang sama, International Association of Universities pada tahun 2014, telah memutuskan untuk memberi lebih tumpuan kepada ilmu tempatan (*indigenous knowledge*) dan menganggap bahawa ini merupakan ‘*Unforgotten Part of ESD*’.

Pengisyiharan ini mempunyai matlamat dan tujuan yang agak penting, iaitu untuk memperkenalkan ilmu berkaitan kearifan dan kebijaksanaan tempatan. Hal ini selari dengan Brundtland Report yang merupakan satu peranan penting dalam mengontekstualisasikan pendidikan untuk pembangunan lestari sebagai satu platform baharu yang mempengaruhi tujuan pendidikan iaitu untuk kembali melihat apakah amalan yang telah dilakukan oleh nenek moyang kita terdahulu yang mempunyai nilai yang perlu dilestarikan. Usaha ini juga menjadi pendekatan baharu dalam menyebarluas dan memperkayakan penglibatan komuniti sebagai pengalaman penting malahan terus mengajak komuniti global untuk terus mempromosi nilai dan amalan terbaik bersifat kearifan tempatan yang mereka miliki.

Inisiatif ini dianggap penting untuk mempromosi nilai atau warisan terbaik yang ada dalam budaya kita ke mata dunia. Sehubungan dengan itu, menjadi suatu yang sangat penting untuk membumikannya terlebih dahulu iaitu menjadikan ia satu matlamat yang boleh dicapai atau diaktualisasikan dan bukanlah perkara yang abstrak dan sukar untuk dicapai dan tidak merasakan ia sesuatu yang asing atau jauh dari nuasa (citarasa) tempatan.

Pemeribumian merupakan usaha untuk mengintegrasikan nilai dan ilmu kearifan tempatan dengan ilmu moden di samping menjelaskan idea-idea baharu yang telah lama dipinggirkan lantaran saki baki

kolonisasi yang kita hadapi dan ilmu kolonial yang terus kekal digunakan. Ilmu kolonial merupakan ilmu yang dihasilkan oleh para sarjana dan penyelidik serta daripada catatan dan laporan para pengawai dan pentadbir tanah jajahan mengenai pelbagai aspek dalam kehidupan sosial, budaya dan pemikiran masyarakat tempatan. Ilmu kolonisasi ini perlu terlebih dahulu disaring penggunaannya dan tidaklah terus diterima bulat-bulat (Zaid, 2020).

Konsep Sejahtera

Pelbagai konsep hidup yang menekankan tentang keseimbangan dalam hidup terdapat dalam budaya masyarakat dunia. Di Afrika misalnya terkenal dengan ‘*Ubuntu*,’ di Sweden, konsep hidupnya dikenali sebagai ‘*Lagom*,’ manakala di Denmark dikenali sebagai ‘*Hygee*.’ ‘*Nunchi*’ merupakan konsep hidup yang terkenal di Korea, ‘*Ikiga*’ di Jepun, ‘*Kia Ora*’ dalam kalangan puak Moari di New Zealand dan ‘*La Bella Vita*’ dalam kalangan rakyat Itali. Manakala kita di Malaysia, memiliki ‘Sejahtera.’ Dengan memahami konsep yang ada pada orang lain, menjadikan kita lebih menghargai apa yang kita ada (Dzulkifli, 2020).

Sejahtera merupakan kearifan tempatan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia, yang seharusnya perlu diangkat dan diperkasakan dalam konteks kehidupan hari ini agar kita kembali kepada acuan kita yang sedia ada dalam usaha membina sebuah pembangunan yang lestari, tanpa mengurangkan peluang generasi akan datang untuk menikmati apa yang sama dinikmati kita pada hari ini.

Sejahtera boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dengan perkataan ‘*afiat*,’ sebagaimana gabungan perkataan sihat wal ‘*afiat*,’ bagi menjawab soalan “Apa Khabar?” Syeikh Abdul Samad al-Falembani ada menjelaskan makna kesejahteraan dalam teks *Hidayah al-Salakin* yang dihasilkan dengan memberi penekanan kepada kesejahteraan yang mengisi pembangunan individu, meliputi pembangunan ilmu (I), akidah (S), ibadah (F), anggota tubuh yang tujuh (F) iaitu mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, tangan, dan kaki, rohani (S), akhlak dan pembangunan adab sosial.

Syeikh Abdul Samad al-Falembani telah memasukkan aspek kesejahteraan dalam perbincangannya kepada keperluan membicarakan konsep Sejahtera. Huraian tentang makna sejahtera banyak dinyatakan dalam kitabnya, meskipun tidak secara jelas. Kitab *Hidayah al-Salakin* ini dipilih kerana ia merupakan sumber korpus keilmuan Melayu Islam yang telah bertahan di Alam Melayu hampir tiga dekad lamanya, iaitu bermula 1871. Kitab ini telah lama digunakan terutamanya dalam membentuk modal

insan bangsa Melayu yang secara tidak langsung masih kuat berpegang kepada prinsip kesejahteraan dalam semua aspek kehidupan mereka, khususnya dalam aspek Pendidikan (Shohana, 2010).

Syeikh Abdul Samad al-Falembani juga memberi penekanan kepada keseimbangan antara tiga komponen utama kejadian manusia, iaitu fizikal, intelektual dan spiritual, dan juga hubungan antara diri sendiri, Tuhan, orang lain dan alam yang didiami ini.

Secara tuntasnya, Sejahtera merupakan satu konsep yang menekankan tentang keseimbangan dalam semua aspek kehidupan, bermula dengan diri sendiri, melalui tiga komponen utama kejadian manusia. Dengan keseimbangan ini akan lahirlah perasaan tenang, damai, Bahagia, penuh dengan makna (Frankl, 1959). Justeru kesejahteraan seseorang individu merujuk kepada keadaan yang baik untuk ketiga-tiga komponen kejadianya iaitu intelektual atau minda, fizikal atau badan atau jasmani dan spiritual atau jiwa atau rohani.

Kesejahteraan yang dibincang dalam teks *Hidayah al-Salakin* yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Samad al-Falembani, berkisar tentang aspek yang mengisi pembangunan modal insan, yang meliputi pembangunan ilmu, akidah, ibadah, anggota tubuh, rohani, akhlak serta pembangunan adab dan sosial. Syeikh Abdul Samad al-Falembani dalam menjelaskan keperluan untuk mencapai kesejahteraan, memulakannya melalui pembangunan dalam enam aspek utama iaitu ilmu, akidah, ibadah, anggota tubuh, rohani dan akhlak atau adab bersosial.

Aspek akidah yang melibatkan hubungan dengan diri sendiri dan Tuhan merupakan aspek pembangunan ilmu yang sangat asas dan menjadi keperluan di peringkat komponen intelektual melalui fungsi akal dan keperluan di peringkat spiritual (Hamka, 2017). Aspek ibadah yang dimaksudkan di sini merupakan jalinan hubungan yang diperlukan oleh setiap individu untuk hubungannya dengan Tuhan dan juga hubungan sesama makhluknya. Hal ini merupakan pengisian kepada peringkat fizikal. Manakala akhlak dan pembangunan adab bersosial ini merupakan tatacara bagaimana kehidupan melalui hubungan sesama manusia seharusnya berlaku.

Intipati bagi konsep Sejahtera ialah keseimbangan. Sejahtera dan seimbang adalah dua perkara yang sinonim, dan mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan konsep *al-Mizan* iaitu neraca keseimbangan. Keseimbangan bermula dengan keseimbangan dalam perhubungan, iaitu bermula dengan hubungan dengan diri sendiri melalui ketiga-tiga komponen yang ada, iaitu fizikal, intelektual dan spiritual, diikuti dengan hubungan dengan Tuhan, sesama manusia dan alam sekitar.

Perkataan sejahtera secara etimologi, mengikut Kamus Dewan (Noresah Baharom, 2005), membawa maksud aman, makmur, senang dan tenteram. Jika dilihat dari sudut individu, sejahtera membawa maksud sihat, meliputi baik, tenang, damai dan membahagiakan. Secara fitrah, sekiranya keseimbangan ketiga-tiga komponen ini tidak dijaga, ia akan mengundang kepada berlakunya kecelaruan dan keadaan yang tidak sihat dalam konteks yang sebenar. Ini seiring dengan peringatan Allah SWT untuk menjaga keseimbangan, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Rahman: 7-9 yang bermaksud: “Dan langit telah ditinggikanNya dan Dia ciptakan keseimbangan. Agar kamu tidak merosakkan keseimbangan itu.” Firman Allah SWT seterusnya: “Dan tegakkanlah keseimbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangi keseimbangan itu.” Meskipun keseimbangan di sini lebih difokuskan kepada keseimbangan yang wujud dalam alam serta isinya, namun kita sebagai individu juga merupakan seumpama sebuah negara kecil yang perlu dikekalkan keseimbangannya melalui ketiga-tiga komponen kejadian. Komponen spiritual, yang merupakan asal terbitnya rasa nilai murni atau budi, agak sukar untuk diukur keberhasilannya dan lantaran itulah ia mudah diketepikan. Namun, komponen ini juga memberi kesan yang sangat besar dalam kehidupan manusia (Hamka, 2017). Kegagalan memastikan hubungan ini sentiasa dalam keadaan baik dan seimbang, akan menyumbang kepada ketidaksejahteraan.

Sekiranya ditelusuri dari bahasa Sanskrit, sejahtera membawa maksud *Sadhyā* (makhluk langit), *Sudatra* (pemberian hadiah) dan *Sucitra* (dibezakan). Walaupun kata-kata ini hanya menyiratkan makna sejahtera seperti yang difahami hari ini, semuanya membawa konotasi positif dan mempunyai nilai-nilai baik yang dapat memperkaya kehidupan manusia secara kolektif yang melibatkan hubungan dengan Tuhan, hubungan sesama manusia serta alam sekitar dan tanah air, tempat kehidupan dijalankan. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa sejahtera merupakan konsep hidup yang berfokuskan manusia dan mempunyai hubungan yang bersifat makrokosmik dan mikrokosmik (Za’ba, 2009). Oleh kerana inilah, lahirnya akronim yang diperkenalkan oleh Tan Sri Dzulkifli Razak, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) iaitu SPIECES, untuk menjelaskan bahawa keseimbangan atau *balance* merupakan intipati (*esssence*) dalam konsep sejahtera. Seimbang di sini bukan hanya antara dua perkara, tetapi banyak perkara atau aspek terpenting dalam kehidupan manusia, iaitu rohani (*spiritual*), fizikal (*physical*), intelektual (*intellectual*), budaya (*culture*), alam sekitar (*environment*), ekonomi (*economy*) dan masyarakat (*society*) (Dzulkifli, 2020).

Keseimbangan merupakan intipati kesejahteraan dan ia juga merupakan kunci kepada kelestarian (*sustainability*). Justeru dalam hal ini kita boleh memahami bahawa konsep kelestarian bukanlah sesuatu yang baru, diperkenalkan sewaktu terhasilnya Brundtland Report pada 1980, malahan ia merupakan konsep yang klasik (*ancient*) khususnya dalam masyarakat peribumi yang telah berjaya melestarikan kehidupan mereka. Malangnya, konsep Sejahtera ini telah pudar dan hilang dibawa arus pembangunan dengan pelbagai konsep baru yang diperkenalkan seiring dengan model pembangunan yang digunakan, khususnya yang berfokuskan pembangunan yang bersifat fizikal dan perlahan-lahan mengenepikan hubungan atau kerjasama antara manusia dengan alam sekitar, sesama manusia dan Pencipta sebagai satu gaya hidup (Mualimin, 2018).

Jika diteliti pada beberapa peribahasa dan simpulan bahasa Melayu, akan jelas kelihatan bahawa aspek kehidupan ini berkisarkan antara “*coexistence between human beings, man and nature*” dan “*collaborative relationship*” manusia dan alam, sebagai bukti kukuh akrabnya hubungan manusia dengan alam. Dengan keseimbangan inilah manusia mampu melestarikan kehidupan mereka. Antara peribahasa yang dimaksudkan ialah:

“Air setitik dilautkan, tanah seketul digunungkan.”

“Air dicencang tidak akan putus.”

“Kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau.”

“Bumi mana yang tidak ditimpah hujan?”

“Di mana tanah dipijak di situ langit dijunjung.”

“Takkan lari gunung dikejar, hilang kabut, tampaklah dia.”

Simpulan dan peribahasa di atas menjelaskan bagaimana Sejahtera yang melibatkan keseimbangan dalam hubungan atau *co-existence*, bermula dengan diri setiap individu dan seterusnya hubungannya dengan Tuhan, orang lain dan alam sekitar. Dalam kontek ini, Sejahtera ini juga menjadi indikator cinta kemanusiaan yang terpenting dan relevan untuk membangkitkan semangat cintakan negara, bangsa dan manusia yang akhirnya mampu membawa kepada keharmonian, kesatuan dan kedamaian sejagat (Fatin, 2017).

Jika ditelusuri dengan 17 matlamat yang terdapat dalam Agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), dan dibahagikan mengikut SPICES, akan terserlah kelompongan. Kekurangan inilah yang perlu kita


tampung agar pada akhirnya model SDG yang kita guna pakai mampu menghasilkan sebuah pembangunan yang lestari dan sesuai dengan budaya, nuansa atau citarasa kita sebagai rakyat Malaysia iaitu apabila adanya keseimbangan dalam tujuh aspek kehidupan terpenting. Hubungan yang harmoni antara tujuh aspek ini sangat penting dan perlu terus disemai, dipupuk dan dibaja. Kegagalan kita untuk menseimbangkan dan hidup bersama (*coexist*) dengan tujuh perkara ini menjadikan tiada keseimbangan dan akhirnya tidak ada kelestarian yang dicapai kerana acuan yang digunakan mungkin sesuai dengan mereka yang di Barat, tetapi tidak sesuai dengan kita di Malaysia.

Bagaimana memperibumikan SDG melalui paradigma Sejahtera?

Berasaskan kepada peradigma Sejahtera, Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) akan dicapai sekiranya ada keseimbangan dalam tujuh komponen atau aspek hidup ini. Tumpuan dalam aspek intelektual semata-mata dengan menghasilkan pelbagai kecanggihan teknologi, kedudukan ekonomi yang stabil, masih belum mampu membawa keseimbangan kerana keseimbangan inilah punca kesejahteraan dan kesejahteraan inilah yang akan menyumbang kepada kelestarian. Pembangunan yang tidak seimbang mungkin menjurus kepada pembangunan yang tiada nilai, terutama apabila komponen spiritual dikesampingkan. Nilai ini berkait rapat dengan komponen spiritual (Fethullah, 2011). Sehubungan dengan itu, bagi memperibumikan agenda Matlamat Pembangunan Lestari ini, aspek spiritual perlu diberi perhatian dan matlamat atau *goal* yang boleh dikemukakan sebagai matlamat ke-18 dan ke-19, iaitu, “*value-based life*” atau “kehidupan berdasarkan nilai”. Manakala untuk *culture* pula ialah “*perservation cultural identity*” atau “pengekalan identiti budaya”.

Gambar rajah di bawah merupakan model yang dikenali sebagai ‘Sejahtera Sustainable Development Goal,’ yang menjelaskan bagaimana agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) boleh diperibumikan dengan menggunakan paradigm Sejahtera.

Rajah 1. Model Matlamat Pembangunan Lestari yang Sejahtera (Sejahtera Sustainable Development Goal (Model)



Kesimpulan

Pemeribumian Agenda 2030, Matlamat Pembangunan Lestari melalui paradigma Sejahtera merupakan satu usaha untuk menjadikan konsep Sejahtera sebagai tonggak dalam kehidupan rakyat Malaysia bagi memastikan kelangsungan jati diri bangsa Malaysia yang bersandarkan Rukun Negara, berjaya dikekalkan. Sejahtera merupakan satu konsep hidup orang Melayu berdasarkan kearifan atau kebijaksanaan tempatan yang perlu difahami dengan kefahaman yang mendalam agar konsep ini mampu diterapkan dalam apa jua agenda pembangunan yang dicadangkan di peringkat antarabangsa.

Sejahtera sebagai konsep hidup rakyat Malaysia perlu kembali difahami dan dihayati terlebih dahulu dalam kalangan rakyat Malaysia, sebelum ia diperkenalkan ke peringkat antarabangsa, sebagaimana konsep *Ikigai*, *Ubuntu*, *Lagom*, *Unchi* dan lain-lain. Pemeribumian juga merupakan usaha ke arah dekolonialisasi iaitu menyahajahkan saki baki penjajahan, khususnya dalam apek pemikiran.

Melalui usaha pememperibumian agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) melalui paradigma Sejahtera, apa yang menjadi harapan ialah agar rakyat Malaysia dapat mengembalikan jati diri dan identiti kita sebagai rakyat Malaysia yang telah mendahului agenda tersebut dalam memastikan wujudnya kelestarian yang merupakan keberhasilan sebuah kesejahteraan, yang mana intipatinya adalah keseimbangan.

Apa yang perlu diseimbangkan dalam konteks manusia, sudah pastilah ketiga-tiga komponen kejadiannya iaitu fizikal, intelektual dan spiritual. Justeru dalam membina pembangunan yang lestari,

seharusnya bermula dengan pembangunan diri, dan ketiga-tiga komponen di atas perlu diberi perhatian secara serius.

Justeru, agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) perlu untuk disesuaikan dengan nuansa dan citarasa tempatan iaitu dengan memasukkan dan mengarusperdanakan elemen Sejahtera. Kesejahteraan yang dicapai melalui keseimbangan perlu dijadikan model dalam apa jua aspek pembangunan, terutama dalam era pandemik dan pasca pandemik COVID-19. Dengan keseimbangan tujuh elemen yang merupakan kesepadan komponen asas iaitu fizikal, intelektual dan spiritual yang disokong unsur bersifat alam, masyarakat dan budaya, apa yang diharapkan agar kesejahteraan dalam kehidupan mampu untuk dicapai dan pada masa yang sama agenda Matlamat Pembangunan Lestari acuan Malaysia berjaya direalisakan.

Penghargaan

Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPT untuk pemberian dana melalui Geran FRGS dengan nombor rujukan, FRGS/1/2021/SSI0/UPM/02/1. Makalah ini merupakan salah satu penerbitan yang dihasilkan dalam proses melengkapkan kajian asal melalui geran ini.

Rujukan

Abdul, R. A. A., (2009). Nilai Mencapai Kehidupan Sejahtera: Pandangan Hamka. *MALIM: Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*, 10(10), 123-144. <http://www.ukm.my/jmalim>

Danah, Z. and Ian, M. (2000). *SQ, Connecting with our Spiritual Intelligence*. Bloomsbury.

Dzulkifli, A. R. (2020). *Essay on Sejahtera: Concept, Principle and Practice*. IIUM Press.

Fatin, H.S. Zahrin, S. N. A., Yunos, N., Jodi, K. H. M., Ali, N., & Hassan, F. N. A. (2017). Penerapan Indikator Cinta Kemanusiaan Melalui Kursus Pengajian Ketamadunan. *Sains Insani*, 2(2), 117-126. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.44>

Fethullah G. (2011). *Membangun Peradaban Kita, Islam adalah Masa Depan Dunia yang Memuliakan dan Menjunjung Tinggi Derajat Manusia*. Penerbit Republika.

Frankl, V. (1959). *Man's search for meaning*. Random House.

Hamka. (2017). *Tasawwuf Modern, Menuju Kebahagian yang Hakiki*. Berita Publishing.

Mualimin, M. S. (2018). Maqasid Syariah Menurut Imam Al-Ghazali. *Malaysia Journal Syariah and Law*, 9(2), 75 - 87. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol9no2.315>

Noresah Baharom (2005). Kamus Dewan. Edisi keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shohana, H. (2010, Februari 24-25). *Kesejahteraan dan kedamaian melalui pembangunan modal insan: Kajian teks Hidayah Al-Salikin*. Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.

UN. (2015). *Transforming our world: The 2030 Agenda for sustainable development*. United Nations.

World Commission on Environment and Development. (1987). *Our Common Future (The Brundtland Report)*. Oxford University Press.

Zaid A. (2020). *Pemeribuman Epistemologi dan Naratif Mutakhir dalam Wacana Ketamadunan*. Penerbit UPM.

Zainal Abidin, A. (2009). *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri* (Edisi Khas). Dewan Bahasa dan Pustaka.